

**RM120 Juta Untuk Projek 'Sentuhan Kasih' Bagi Generasi Kedua Felda Bina Rumah Bernama
10 November, 2012**

SHAH ALAM, 10 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini berkata Felda menyediakan peruntukan RM120 juta bagi Projek Sentuhan Kasih untuk generasi kedua Felda membina rumah dan menjalankan projek tanaman kontan yang berpulangan tinggi.

Beliau berkata buat permulaan, sejumlah 300 unit rumah akan dibina di tanah rancangan Felda di Besut, Terengganu; Chini Timur 2, Pahang; dan Tenggaroh, Johor; pada penghujung tahun ini.

Najib berkata demikian dalam ucapannya pada Majlis Himpunan Generasi Baharu Felda di Universiti Teknologi MARA di sini yang dihadiri 12,000 belia dari seluruh tanah rancangan Felda di Malaysia.

Beliau berkata: "Kita sedia melaksanakan 4,000 unit lagi (rumah) kalau kita dapat tanah yang besar."

Rumah untuk generasi kedua peneroka itu akan dibina menggunakan kaedah pasang siap dan berharga RM70,000 seunit dengan ansuran bulanan pinjaman bank kira-kira RM360, katanya.

Beliau berkata menerusi kaedah pembinaan secara pasang siap, sesebuah rumah boleh disiapkan dalam tempoh seminggu.

Najib juga berkata: "Kita nak ada inovasi baru, kita nak generasi kedua tanam apa yang dikatakan buah melon, rock melon, buahnya kuning di luar tapi isinya begitu sedap begitu 'crunchy' boleh jual ke mana-mana negara seperti Singapura."

Selain daripada menanam rock melon dalam projek Sentuhan Kasih itu, generasi kedua peneroka akan menanam sayur salad bagi meningkatkan hasil pendapatan mereka, katanya.

Najib berkata untuk generasi kedua Felda menjadi lebih berjaya daripada ibu bapa mereka, mereka perlu ada ilmu, teknologi dan inovasi selain daripada tanah, dana dan tenaga buruh.

Beliau berkata faktor ilmu boleh meninggikan martabat seseorang kerana penguasaan ilmu menjadikan penguasaan teknologi bagi menggantikan tulang empat kerat peneroka untuk menghasilkan kegiatan ekonomi yang berlipat kali ganda, manakala inovasi boleh mencipta sesuatu punca kekayaan baru yang lumayan.

Kerajaan perlu merangsangkan pertumbuhan ekonomi yang tinggi dan mampan supaya ekonomi berkembang dan berhasil serta menjana aktiviti ekonomi bagi membantu rakyat yang memerlukan pembelaan daripada kerajaan, katanya.

Selain itu, Najib berkata daya saing Malaysia berbanding negara lain perlu ditingkatkan kerana ini merupakan faktor penting bagi kejayaan sesebuah negara bangsa.

Menyentuh mengenai perhimpunan hari ini, Najib menyatakan rasa terharunya dengan sambutan meriah yang diberi oleh generasi baharu Felda kepadanya dan berkata ini merupakan isyarat betapa besarnya harapan mereka kepada kerajaan untuk meneruskan tradisi dan jasa untuk membela generasi baharu peneroka.

Najib berkata UiTM dipilih sebagai tapak himpunan ini kerana UiTM dan Felda merupakan dua institusi yang diasaskan oleh bapa beliau Perdana Menteri Kedua Malaysia Tun Abdul Razak Hussein, yang mengubah destini anak-anak muda di negara ini.

Himpunan generasi baru anak-anak peneroka ini yang bermula semalam dan berakhir esok dianjurkan bersama oleh UiTM, Felda dan Majlis Belia Felda.

Antara pengisian program selama tiga hari itu termasuk wacana, pertandingan xplorace, paintball, bola jaring, persembahan hiburan, cabutan bertuah, pameran dan jualan.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=708543>